

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(III)11

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PANTAI JEREJAK
YB. DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL**

11. Penjaja-penjaja di Kompleks Makanan Pasar Bayan Baru selalu mengadu akan kehilangan barang dapur akibat tindakan kecurian yang berlaku.
 - (a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk menambahbaik sistem keselamatan di sana, seperti pemasangan kamera litar tertutup dan sebagainya?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

11. (a) Kerajaan Negeri prihatin terhadap kejadian kecurian yang berlaku di Kompleks Makanan Pasar Bayan Baru. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah bekerjasama dengan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk meningkatkan rondaan dan pemantauan di kawasan pasar tersebut. Berkenaan cadangan menambahbaik sistem keselamatan di Kompleks Makanan Pasar Bayan Baru, untuk jangka masa pendek, Kerajaan Negeri belum mempunyai perancangan untuk memasang CCTV di kawasan tersebut.

Untuk tempoh jangka panjang, Kerajaan Negeri melalui MBPP sememangnya bercadang untuk menambahbaik sistem keselamatan melalui pemerkasaan peranan Persatuan Penjaja di Kompleks Makanan Pasar Bayan Baru. Ini supaya peniaga lebih bertanggungjawab dalam menangani isu-isu keselamatan dan kebersihan di pasar masing-masing. Melalui penswastaan, pihak Persatuan Penjaja boleh memasang CCTV untuk menambahbaik keselamatan di pasar awam. Setakat ini, terdapat enam

(6) buah pasar yang telah diswastakan di kawasan pulau manakala sebuah di kawasan Seberang Perai.

Bagi memantapkan lagi fungsi persatuan, Kerajaan Negeri akan menetapkan perkara-perkara berikut sebagai KPI persatuan:

- (i) Melaporkan risiko-risiko keselamatan;
- (ii) Merekodkan keperluan penduduk yang memerlukan keperluan pasar; dan
- (iii) Memantau dan melaporkan keperluan pembaikan pasar.

Kerajaan Negeri juga akan mengadakan sesi *town hall* untuk memperkasakan penjaja dan peniaga kecil kerana sehingga kini masih terdapat Persatuan Penjaja yang tidak berdaftar secara rasmi dan masih banyak Pasar Awam yang tidak mempunyai persatuan kerana kurang kesedaran dalam kalangan peniaga.